

Headline	UPSI teraju kutipan pingat		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	10 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Arena	Circulation	407,786
Page No	80	Readership	3,351,000
Language	Malay	ArticleSize	189 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,953
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,859



UPSI teraju kutipan pingat



Kuala Lumpur: Tuan rumah, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menerajui pungutan pingat hari keempat Karnival Sukan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) Fasa 1 2014, mengatasi 19 Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) lain.

Atlet UPSI meraih 5 emas dan 2 gangsa untuk menduduki tempat teratas.

Mengekori rapat Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) yang memungut 1 emas dan 2 perak untuk berada di tangga kedua.

Universiti Teknologi Mara (UiTM) ketiga dengan 1 emas dan 3 gangsa.

Emas UPSI diraih menerusi acara silat seni iaitu kategori jurus tunggal lelaki dan wanita serta tempur ganda lelaki dan wanita.

Penyelaras Silat UPSI Datin Wan Nurul Hidayu Wan Abdul Razak berkata, pasukan silat UPSI mensasarkan 10 emas daripada 22 yang ditawarkan dalam acara itu.

Emas UPSI disumbang Nur Syahirah Hamzah

(tunggal puteri), Muhammad Mat Ruzi (tunggal putera), Nur Sahira Hamzah dan Siti Arfiah Abd Jalil (ganda puteri) serta Muhammad Hazri Zahid Kassimi dan Noor Ashroff Mat Nor (ganda putera).

Emas kelima diraih regu puteri, Farah Hanin Shamsudi, Norhidayah Sanusi dan Nor Areefa Ardellah Maarof.

Sebanyak 20 universiti awam dengan 2,670 atlet bersaing dalam 11 acara yang menawarkan 51 emas, 51 perak dan 66 gangsa.